

15/10/1999

Kancil berwajah baru dilancar

KUALA LUMPUR, Khamis - Perodua Kancil, kereta nasional kedua negara, kini muncul dengan wajah baru dengan pelbagai spesifikasi tambahan berikutan permintaan menggalakkan daripada pengguna.

Antara ciri tambahan ialah penampilan tempat duduk fabrik baru, kekisi pintu, cermin pintu elektrik, lampu isyarat direka baru, rim sport yang menarik dan jerejak baru, alas tangan pintu depan, skirting tepi dua warna dan spoiler bumbung dengan lampu isyarat ketiga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan Kancil berwajah baru itu ketika merasmikan Pameran Motorsports KL '99, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Model baru ini dijual pada harga di antara RM25,138.04 hingga RM25,512.04 bagi model 660 cc, manakala untuk model 850 cc di antara RM29,468.52 hingga RM34,362.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut melancarkan Perodua e-Shoppe iaitu satu kaedah baru membeli kereta Kancil melalui laman web selain daripada melawat sesebuah bilik pameran.

Dengan e-shoppe, pelanggan kini boleh menempah sebarang produk Perodua dengan mengunjungi laman webnya di www.perodua.com.my.

Hadir sama di majlis itu ialah Pengarah Urusan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), Datuk Abdul Rahman Omar dan Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Mohd Radzi Manan.

Perodua menyatakan bahawa 1,000 pelanggan pertama yang membuat tempahan melalui e-Shoppe sebelum 31 Mac tahun depan, akan diberi diskaun RM200 bagi setiap pembelian kenderaan Perodua.

Kancil boleh didapati dalam warna padu Putih Kristal, Merah Bunga Raya, Hijau Tropika, warna metalik Kilauan Silver. Perodua juga menawarkan warna metalik baru seperti Emas Juita, Biru Samudra, Siber Blue dan Hijau Elegan.

(END)